

Persepsi Mahasiswa Fakulti Pendidikan Terhadap Kesan Rancangan Hiburan Realiti Tv Akademi Fantasia

Mohd Ismail Bin Mustari & Ahmad Shukri Bin Jamaludin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh rancangan hiburan realiti televisyen Akademi Fantasia di kalangan mahasiswa Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai. Seramai 134 orang responden terlibat dalam kajian ini. Penyelidik telah menggunakan soal selidik yang mengandungi 60 item soalan sebagai instrument kajian. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian “Statistical Packages For Social Sciences” (SPSS) 12.0 for windows bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan item dalam kajian rintis yang dijalankan adalah $\alpha = 0.98$. Hasil kajian menunjukkan persepsi serta pengaruh rancangan hiburan realiti terhadap gaya hidup mahasiswa adalah rendah. Dari aspek kesesuaian rancangan hiburan realiti AF menurut pandangan mereka juga berada pada tahap rendah. Keseluruhannya, min mencatatkan nilai 2.20. Keputusan kajian memberi gambaran rancangan sebegini tidak begitu mempengaruhi mereka. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi permasalahan ini bagi menyedarkan masyarakat tentang kesan negatif rancangan realiti televisyen.

Abstract: The purpose of this study was to investigate the perceptions of the undergraduate students towards Akademi Fantasia and how this programme influences their lifestyle. In addition, this study is also aimed to identify the effects of Akademi Fantasia towards Malaysian culture. 134 respondents involved in this study. Researcher used questionnaires which contain 60 items as instrument of the study. The data obtained were analyzed using “Statistical Packages For Social Sciences” (SPSS) 12.0 for Windows to get the frequency, percentage and mean data. The reliability value of the research tool is $\alpha = 0.85$. The reliability value item in the pilot study was $\alpha = 0.98$. Overall, the findings showed that Akademi Fantasia had a very low mean at only 2.20 for the undergraduates perceptions, the programme influence on their lifestyle and the effects towards the Malaysian culture. This means that reality televisyen program is not really influencing undergraduates from Faculty of Education, University Teknologi Malaysia. Some suggestion have been forwarded to overcome this problem.

Katakunci: pengaruh, rancangan hiburan realiti televisyen, Akademi Fantasia

Pengenalan

Melalui televisyen, pelbagai bentuk maklumat berbentuk rancangan sama ada berita, dokumentari, drama filem dan sebagainya dapat dinikmati. Bermula dari sinilah pengaruh dan kesan hiburan itu berakar umbi pada hati masyarakat Malaysia amnya. Ini termasuk rancangan hiburan berbentuk realiti televisyen yang telah menapak sejak beberapa tahun kebelakang ini di Malaysia.

Walaupun rancangan hiburan seperti ini diterbitkan secara bermusim ia tetap memberi kesan dan pengaruh yang kuat terhadap gaya hidup muda mudi dan pelajar. Begitu juga terhadap pembentukan ahklak dan nilai moral yang bertentangan dengan agama dan budaya masyarakat Malaysia. Salah satu program berbentuk realiti televisyen kian popular di kalangan rakyat Malaysia ialah “Akademi Fantasia”, ia bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang nyanyian dan mengetengahkan bakat sebagai seorang penyanyi yang diasuh dengan menyertai pertandingan.

Penyataan Masalah.

Akibat pendedahan terhadap dunia hiburan yang keterlaluan, generasi muda sekarang tidak memikirkan masa depan mereka dengan baik, mereka sering terpedaya dengan sogokan untuk menjadi selebriti, mengejar populariti, glamor dan menyebabkan ramai remaja menyertai rancangan tersebut untuk mencapai cita-cita sebagai penyanyi mahupun seseorang yang terkenal dengan mudah, tiada lagi cita-cita untuk menuntut ilmu keperingkat yang tinggi. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya pergaulan bebas tanpa batasan diantara lelaki dan perempuan, bersalamans, bersentuhan berpelukan dan berpegangan tangan diatas pentas, perkara ini seolah-olah menjadi kebiasaan dan tidak salah bagi mereka seperti tiada hukum tentangnya. Menurut Datuk Hassan Din al-Hafiz. Rancangan hiburan sebegini lebih menjurus kepada kerosakan akhlak. Berpelukan dan bercampur gaul sesama lelaki dan perempuan tanpa batas, itu sudah diketahui oleh umat Islam bahaya ia satu perbuatan yang tidak dibenarkan oleh Islam. Tetapi yang menjadi satu kemosyikilan, bagaimana ibu bapa dan keluarga tidak melarang malah memberan dan memberikan sokongan terhadap anak mereka untuk menjadi peserta rancangan tersebut (Hafiz Hamzah, 2004:8).

Program rancangan realiti TV seperti ini telah mendapat sambutan dan Berjaya menambat hati para penonton. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk melihat peringkat kesan dan pengaruh rancangan realiti TV seperti Akademi Fantasia terhadap kehidupan dan kesesuaian hiburan ini bagi mahasiswa sebagai pelajar.

Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengaruh dan kesan rancangan realiti TV terhadap mahasiswa dan muda mudi di UTM dalam kehidupan mereka. Secara khususnya objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM terhadap rancangan hiburan realiti TV Akademi Fantasia.
2. Untuk mengenal pasti pengaruh rancangan hiburan realiti TV Akademi Fantasia terhadap gaya hidup di kalangan mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM.
3. Untuk mengenal pasti persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM terhadap kesesuaian rancangan hiburan realiti TV Akademi Fantasia.

Kepentingan Kajian

Harapan pengkaji agar kajian yang dilakukan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga masyarakat. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu:

- i. Hasil kajian ini adalah untuk melihat penerimaan mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM terhadap rancangan hiburan realiti televisyen “Akademi Fantasia”.
- ii. Kajian ini juga dapat melihat pengaruh rancangan hiburan realiti televisyen Akademi Fantasia terhadap kehidupan remaja terutamanya mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM.
- iii. Mencadangkan kepada pihak-pihak bertanggungjawab mengawal rancangan televisyen yang tidak sesuai ditonton untuk golongan pelajar.
- iv. Kajian ini membolehkan ibu bapa mendapat pendedahan yang positif supaya dapat mengawasi anak-anak daripada terpengaruh dengan budaya yang di bawa menerusi rancangan hiburan realiti televisyen.
- v. Kajian ini juga diharap dapat menyedarkan mahasiswa dan masyarakat agar lebih prihatin dengan pengaruh negatif di sebalik rancangan hiburan realiti televisyen.

vi. Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada institusi-institusi pendidikan mahupun sosial untuk menilai dan menyemak semula adakah rancangan hiburan seperti Akademi Fantasia sesuai untuk mahasiswa dan pelajar.

vii. Membuka mata masyarakat tentang bahayanya hiburan yang tidak menekankan pembangunan intelektual dan moral masyarakat berlandaskan Islam.

Skop Kajian

Kajian ini akan diberikan tumpuan kepada beberapa skop tertentu bagi mendapatkan maklumat mengenai pengaruh program hiburan terutamanya program realiti televisyen terhadap mahasiswa Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini berdasarkan kepada persepsi mahasiswa di Fakulti Pendidikan UTM Skudai yang dibataskan pada kursus SPI, SPL dan SPS terhadap Kesan Program Realiti televisyen Akademi Fantasia, pengaruhnya terhadap gaya hidup mereka dan kesesuaianya tanpa melibatkan pelajar-pelajar lain.

Batasan kajian ini juga hanya tertumpu kepada rancangan hiburan Realiti televisyen di Malaysia sahaja. Dalam skop kajian ini pengkaji hanya melihat kepada persepsi, kesan dan kesesuaian program hiburan realiti televisyen Akademi Fantasia terhadap mahasiswa sebagai aspek kajian. Hasil kajian adalah terbatas kepada populasi/sampel yang dikaji sahaja.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut statistik pelajar mengikut pecahan bangsa yang dikeluarkan oleh pihak pentadbiran Fakulti, jumlah pelajar didalam ketiga-tiga kursus ini adalah 134 orang. Ini merupakan jumlah populasi sebenar dalam kajian. Menurut Mohd Najib (1999: 37), populasi merupakan semua ahli dalam kelompok. Oleh itu, populasi merujuk kepada satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek (Mohd. Majid, 2004: 58). Pengkaji telah memilih keseluruhan populasi sebagai sampel daripada pelajar mengikut kursus. Menurut Mohd Najib (1999:39), ia adalah sampel bertujuan iaitu penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi. Maklumat yang diperolehi daripada sampel boleh digunakan untuk menganggarkan maklumat tentang populasi yang dikaji. Ini kerana, sampel adalah sumber untuk mendapatkan data (Mohd. Najib, 1999: 37). Beliau juga menyarankan sampel sebanyak 30% daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk tujuan mendapatkan data. Namun pengkaji telah memilih keseluruhan populasi seramai 134 orang pelajar daripada 3 kursus dalam Fakulti Pendidikan UTM. Terdapat tiga kursus yang berbeza telah dipilih ia terdiri daripada SPI, SPS, dan SPL tahun 4.

Rasional pemilihan pelajar dalam 3 kursus tersebut sebagai sampel kajian adalah kerana mereka sudah mempunyai pengalaman berhadapan dengan masyarakat semasa latihan mengajar. Berdasarkan pengalaman itu mereka agak matang dalam membuat sesuatu keputusan dan memandang punca berlakunya sesuatu masalah sosial dengan lebih rasional. Tambahan lagi mereka merupakan golongan yang bakal menjadi pendidik.

Selain itu pengkaji juga mengambil kira aspek populasi yang mengandungi masalah dan perlu dikaji. Pengkaji juga memilih ketiga-tiga kursus ini kerana berada dalam kelompok yang sama didalam mata pelajaran yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan UTM. Secara umum rancangan realiti TV ini diminati oleh setiap lapisan masyarakat. Maka pengkaji mengambil kira terdapat pelajar Fakulti Pendidikan yang mengetahui dan meminati rancangan realiti TV Akademi Fantasia ini, dan di samping rancangan hiburan realiti TV begitu mendapat sambutan sejak kebelakangan ini.

Instrumen kajian

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperolehi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperoleh dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik (Mohd. Najib, 1999: 40).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan set borang soal selidik untuk memperolehi data daripada responden. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan untuk populasi yang besar (Mohd. Majid, 2004: 202). Oleh itu, melalui kaedah ini pengkaji dapat menerima maklum balas terhadap aspek yang dikaji terus daripada responden. Di samping itu, ia dapat menjimatkan masa dan kos.

Oleh kerana instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik, pengkaji telah membina set soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A

Bahagian A mengandungi soalan berkaitan dengan maklumat diri responden seperti jantina, bangsa, agama dan memiliki telefon bimbit. Kepentingan item-item ini adalah untuk mengetahui latar belakang responden secara umum.

Bahagian B

Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang terdiri daripada pelbagai aspek mengenai persepsi, pengaruh dan kesesuaian program hiburan realiti TV AF terhadap kehidupan mahasiswa.

- i) Mengenai pengetahuan responden terhadap konsep rancangan realiti televisyen Akademi Fantasia.
- ii) Mengenai pengaruh rancangan realiti televisyen Akademi Fantasia terhadap gaya hidup mahasiswa.
- iii) Mengenai persepsi responden terhadap kesesuaian rancangan realiti televisyen Akademi Fantasia.

Responden dikehendaki memilih jawapan dengan menanda salah satu di antara lima pilihan pada setiap ruang kenyataan yang disediakan. Untuk tujuan ini, penyelidik menggunakan skala Likert. Penyelidik telah membuat pengelasan agihan soalan yang dibina berdasarkan persoalan kajian. Setiap persoalan dipecahkan mengikut kepada persoalan kajian.

Jadual 1: Bilangan Item mengikut persoalan kajian.

Bil.	Tema	Nombor Item
1.	Pengaruh dan persepsi mahasiswa terhadap rancangan hiburan realiti TV Akademi Fantasia.	B1, B2, B3, B4 hingga B20,
2.	Pengaruh rancangan hiburan realiti TV Akademi Fantasia terhadap gaya hidup mahasiswa	B21, B22, B23, B24 hingga 40
3.	Persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM terhadap kesesuaian rancangan reality AF.	B41, hingga B60

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu juga kajian rintis digunakan untuk mengkaji masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik berjalan.

Oleh itu, kajian rintis dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain itu, untuk mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang digunakan.

Pengkaji telah membuat kajian rintis ke atas 10 orang pelajar tahun 3 kursus SPI Fakulti Pendidikan UTM Skudai. Menurut Mohd Najib (1999), saiz sampel untuk kajian rintis memadai 6 hingga 10 orang sahaja serta mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kumpulan sebenar yang digunakan dalam penyelidikan. Soal selidik yang digunakan untuk tujuan kajian rintis berjumlah 60 soalan. Hasil yang diperolehi daripada kajian tersebut menunjukkan nilai $\alpha = 0.98$. Menurut Mohd. Majid (2004: 183) pula, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 boleh digunakan.

Keputusan

Rumusan Min Dapatan Kajian

Rumusan min dibuat berdasarkan item-item yang telah dibahagikan mengikut tematema objektif kajian seperti yang dinyatakan pada instrumen kajian dalam bab 3 dengan berpandukan kepada jadual perubahan 5 point skala Likert kepada 3 peringkat.

Persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Rancangan Hiburan Realiti TV AF.

Jadual 2: Rumusan min dapatan kajian mengenai persepsi dan pengetahuan mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM Skudai terhadap konsep rancangan hiburan realiti TV AF.

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
1.	Rancangan hiburan realiti AF berkonseptan nyanyian.	81	97.8	1	.7	2	1.5	4.5
2.	Saya pernah menonton rancangan hiburan realiti AF	101	75.4	18	13.4	15	11.2	3.8
3.	Saya tahu setiap kali undian SMS yang dihantar akan dicaj bayaran dengan jumlah tertentu	126	94.1	0.0	0.0	8	6.9	4.12
4.	Undian SMS yang dihantar adalah salah satu bentuk sokongan kepada peserta yang dipilih.	128	95.5	4	3.0	2	1.5	4.40
5.	Aktiviti di dalam rancangan hiburan realiti TV melibatkan pergaulan antara lelaki dan perempuan.	128	95.5	4	3.0	2	1.5	4.55
6.	Konsep rancangan hiburan AF berbentuk pertandingan yang memerlukan undian SMS.	146	94.1	3	2.2	5	3.7	4.46
7.	Saya pasti menonton rancangan hiburan realiti AF pada setiap minggu	11	8.2	19	14.2	104	77.6	1.78
8.	Saya meminati rancangan hiburan realiti AF kerana ia mendorong saya untuk lebih maju	6	4.4	13	9.7	114	85.8	1.61
9.	Saya selalu mengikuti perkembangan rancangan hiburan realiti AF	8	6.0	19	14.2	107	79.9	1.76
10.	Saya juga pemah mengundi peserta kegemaran dalam rancangan hiburan realiti AF	7	5.2	9	6.7	118	88.0	1.46
11.	Saya merasakan peserta AF mempunyai daya tarikan yang tersendiri	42	31.3	17	12.7	75	56.0	2.40
12.	Rancangan berbentuk hiburan realiti TV seperti AF sesuai ditonton scisi kluarga.	33	2.46	27	20.1	74	55.2	2.30
13	Saya rasa dengan menonton rancangan hiburan realiti AF dapat memberikan kepuasan dan keseronokan.	25	16.4	23	17.2	86	64.2	2.16
14	Rancangan hiburan realiti AF dapat membuka minda pelajar untuk mempelajari ilmu seni tarian dan nyanyian.	30	22.4	34	25.4	70	52.2	2.38

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
15	Ilmu seni tarian dan nyanyian dapat ditunjukkan melalui rancangan hiburan realiti AF.	43	39.6	34	25.4	47	35.1	2.83
16	Rancangan realiti AF adalah pertandingan yang menggunakan perestasi pesertanya untuk menentukan kalah menang mereka.	53	39.5	40	29.9	41	30.6	2.97
17	Rancangan realiti AF banyak memberikan saya maklumat dan informasi ilmiah tentang hiburan	26	19.4	31	23.1	77	57.5	2.26
18	Rancangan realiti AF akan dapat melahirkan insan yang berkebolehan dalam banyak bidang seni.	7	5.2	35	26.1	59	44.0	2.98
19	Saya dapat mengingati biodata peserta kegemaran saya dengan baik	5	3.7	10	7.5	109	88.8	1.46
20	Saya akan mendoakan agar peserta kegemaran saya terus berada didalam AF hingga peringkat terakhir.	11	8.2	13	9.7	110	82.1	1.63
Purata Min Keseluruhan								2.84

Berdasarkan jadual 2 di atas, terdapat 20 item yang telah digunakan untuk menguji pengetahuan dan persepsi mahasiswa UTM Skudai terhadap konsep rancangan hiburan realiti TV AF. Didapati kebanyakan responden mengetahui konsep rancangan hiburan realiti TV berdasarkan kepada nilai min keseluruhan bagi tema pertama dalam objektif yang pertama adalah 2.84. Nilai min keseluruhan ini menunjukkan min berada pada tahap sederhana atau neutral.

Nilai min tertinggi adalah 4.55 pada item 5. Kajian mendapati 95.5% responden bersetuju bahawa aktiviti dalam rancangan realiti AF melibatkan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Sebaliknya responden yang tidak bersetuju sebanyak 1.5% iaitu seramai 2 orang.

Diikuti nilai min yang tertinggi ialah 4.5, 4.46, 4.40, 4.12, dan 3.8. Min-min tersebut adalah bagi item 1, 6, 4, 3, 2. Manakala item 10 dan 19 mempunyai nilai min terendah iaitu, item 10, 1.46. Sebanyak 88.0% iaitu seramai 118 orang tidak bersetuju mengatakan pernah mengundi peserta kegemaran dalam AF. Manakala responden yang bersetuju sebanyak 5.2% iaitu seramai 7 orang. Item 19 pula, seramai 109 orang 88.8% tidak setuju untuk mengingati biodata peserta kegemaran mereka dalam AF. Namun ada yang bersetuju 3.7% seramai 5 orang. Manakala responden yang kurang setuju seramai 9 orang (6.79%) bagi item 10 dan 10 orang 7.5% bagi item 19.

Jadual 3: Rumusan min dapatan kajian mengenai pengaruh rancangan hiburan realiti TV AF terhadap gaya hidup mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM.

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		MIN
		K	%	K	%	K	%	
21	Penampilan diri para peserta rancangan hiburan realiti AF amat menarik perhatian saya dan patut dicontohi.	7	5.2	21	15.7	106	79.1	1.69
22	Saya suka melihat cara berpakaian yang dipakai oleh peserta dalam rancangan hiburan realiti AF	10	7.5	19	14.2	105	78.4	1.68
23	Saya suka meniru fesyen pakaian yang dipakai oleh peserta rancangan hiburan realiti AF.	3	2.2	11	8.2	120	89.6	1.41
24	Saya akan meniru gaya rambut peserta kegemaran dalam rancangan hiburan realiti AF.	4	2.9	11	8.2	119	88.8	1.43
25	Saya berasa bangga jika dapat bergaya seperti peserta dalam rancangan hiburan realiti TV AF tersebut.	3	2.2	13	9.7	118	88.1	1.38
26	Saya suka meniru gaya atau aksi peserta dalam rancangan hiburan realiti TV AF.	3	2.2	10	7.5	121	90.3	1.36
27	Saya suka meniru bahasa yang digunakan oleh peserta-peserta rancangan hiburan realiti TV AF.	4	2.9	16	11.9	114	85.1	1.51
28	Pakaian peserta rancangan hiburan realiti AF telah menjadikan saya lebih pandai bergaya.	3	2.2	15	11.2	116	86.6	1.43
29	Saya menjadikan peserta hiburan realiti TV AF sebagai <i>idola</i> .	7	5.2	7	5.2	120	89.6	1.41
30	Hubungan antara peserta dalam rancangan hiburan realiti AF amat rapat dan patut saya contohi ketika bersama rakan-rakan.	23	17.1	15	11.2	86	71.6	1.94

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		MIN
		K	%	K	%	K	%	
31	Sikap kerjasama antara peserta rancangan hiburan realiti AF patut dicontohi.	43	32.1	24	17.9	67	50.0	2.52
32	Pergaulan antara lelaki dan wanita dalam rancangan hiburan realiti AF boleh merapatkan hubungan silaturrahim.	12	8.9	16	11.9	106	79.1	1.70
33	Sikap peserta yang berpelukan di pentas dapat meningkatkan semangat persahabatan.	26	11.9	12	9.0	106	79.1	1.67
34	Saya dapat mengamalkan pemakanan yang sihat sepetimana yang diamalkan peserta AF didalam diari harian mereka.	24	17.9	26	19.4	84	62.7	2.11
35	Dengan menonton rancangan realiti AF telah menyebabkan saya berdisiplin didalam menguruskan masa.	7	5.2	14	10.4	113	84.3	1.59
36	Saya suka membaca majalah hiburan AF yang dibeli atau yang diperolehi dari rakan-rakan	4	2.9	9	6.7	121	90.3	1.39
37	Saya teruja dengan gaya hidup peserta AF kegemaran saya seperti gaya percakapannya dan pergaulannya	5	3.7	8	11.9	121	90.3	1.47
38	Saya bercita-cita untuk menjadi artis setelah menonton rancangan AF.	5	3.7	5	3.7	123	91.8	1.32
39	Saya akan berani untuk mencuba dalam pertandingan nyanyian yang diadakan di dalam universiti setelah menonton rancangan AF.	5	3.7	6	4.5	123	91.8	1.35
40	Ketabahan peserta AF dalam mengharungi kehidupan didalam Akademi telah membuatkan saya semakin tabah dan rajin berusaha didalam pelajaran	25	11.1	16	11.9	103	76.9	1.81
Purata Min Keseluruhan								1.60

Jadual 3 di atas menunjukkan 20 item yang digunakan untuk mengetahui tema kedua objektif pertama iaitu berkaitan dengan pengaruh rancangan realiti AF terhadap gaya hidup mahasiswa UTM Skudai. Purata min keseluruhan bagi item-item ini ialah 1.60. Ini menunjukkan bahawa pengaruh rancangan realiti AF terhadap mahasiswa berada pada tahap negatif dan rendah.

Nilai min tertinggi ialah bagi item 31 iaitu 2.52 namun ia berada pada tahap neutral. Seramai 67 orang responden (50.0%) tidak bersetuju mengatakan sikap kerjasama antara peserta rancangan hiburan realiti AF boleh merapatkan hubungan silaturrahim. Namun ada yang bersetuju seramai 43 orang 32.1% dan 24 orang 17.9% adalah kurang setuju dengan item ini.

Selain itu min bagi item lain mengikut ketinggian adalah 2.11, 1.94, 1.81, 1.70, 1.69, 1.68, 1.59 dan 1.51. Min-min ini adalah bagi item 34, 30, 40, 32, 21, 22, 35 dan 27. Namun ia berada pada tahap yang rendah

dan negatif. Bagi item 37, 24, 28, 29, 25, 26, 39, dan 38 minnya berada pada tahap rendah dan sangat negatif iaitu 1.47, 1.43, 1.43, 1.41, 1.38, 1.36, 1.35, dan 1.32. Nilai min terendah adalah pada item 38 dengan nilai min 1.32 berada pada tahap rendah dan sangat negatif. Seramai 123 orang responden (91.8%) tidak bersetuju dengan item 38. Manakala jumlah responden yang bersetuju hanya 5 orang (3.7%) dan kurang setuju seramai 5 orang (3.7%). Berdasarkan semua nilai diperoleh diatas, menunjukkan bahawa mahasiswa tidak terlalu terpengaruh dengan rancangan realiti AF dan kebanyakannya tidak setuju bahawa rancangan tersebut mempengaruhi gaya hidup mereka.

Jadual 4: Rumusan min diperoleh kajian persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM mengenai kesesuaian rancangan hiburan reality TV AF.

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
41	Rancangan hiburan realiti AF sangat menarik untuk ditonton bersama keluarga.	40	29.8	20	14.9	74	55.2	2.44
42	Menonton rancangan hiburan realiti AF tidak mempengaruhi tingkah laku saya dalam hidup bermasyarakat..	77	57.4	10	7.5	47	35.1	3.21
43	Akhlak dan sikap peserta rancangan realiti AF melambangkan budaya yang baik dan patut diikuti.	10	7.5	26	19.4	98	73.1	2.08

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
44	Rancangan realiti AF menunjukkan budaya masyarakat Malaysia yang peramah dan sopan santun.	18	13.4	26	19.4	90	67.2	2.0
45	Dengan menonton diari harian peserta dalam rancangan AF dapat mengisi masa lapang saya.	20	14.8	14	10.4	99	74.6	1.92
46	Masyarakat akan bersemangat untuk bersatu selepas menonton rancangan hiburan realiti AF.	8	6.0	19	14.2	10.7	79.9	1.69
47	Remaja akan lebih tumpuan dalam menuntut ilmu jika menonton rancangan hiburan realiti AF	7	5.2	15	11.2	112	83.6	1.58
48	Kejayaan peserta-peserta dalam rancangan realiti AF memberikan galakan untuk pelajar-pelajar terus belajar.	23	9.7	17	12.7	104	77.6	1.78
49	Rancangan realiti AF memperlihatkan budaya ilmu dikalangan muda-mudi dalam dunia hiburan.	28	20.9	20	14.9	86	64.2	2.11
50	Rancangan realiti AF memaparkan secara langsung betapa pentingnya budaya ilmu walaupun dalam hiburan realiti.	30	22.4	27	20.1	77	57.5	2.26
51	Rancangan realiti AF banyak memberi manfaat kepada masyarakat	10	7.4	26	19.4	98	73.1	1.82
52	Rancangan realiti AF melambangkan ketinggian budaya masyarakat yang berbilang kaum	16	11.9	26	19.4	92	68.7	1.93
53	Rancangan realiti AF dapat menjana ekonomi negara melalui rancangan hiburan yang diadakan oleh peserta AF.	39	29.1	24	17.9	71	53.0	2.46
54	Peserta AF dapat mendekati hati rakyat yang menjadi mangsa bencana alam melalui khidmat bakti masyarakat.	37	27.5	25	18.7	72	53.7	2.53
55	Kehadiran peserta AF dalam sambutan perayaan di Malaysia dapat menarik minat masyarakat menyertai perayaan tersebut.	39	29.1	21	15.7	74	55.2	2.40
56	Nyanyian lagu patriotik oleh peserta AF dapat meningkatkan semangat kenegaraan	28	20.9	35	26.1	71	53.0	2.33
57	Rancangan realiti AF dapat memajukan orang melayu didalam industri hiburan	26	19.4	30	22.4	78	58.2	2.17

Bil	Item	Setuju		Kurang Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	K	%	
58	Melalui rancangan realiti AF dapat melambangkan rakyat malaysia yang berbilang kaum dan saling bantu membantu.	33	24.6	24	17.9	77	57.5	2.24
59	Diari rancangan realiti AF dapat menyingkap satu realiti kehidupan yang tidak dapat dipertontonkan oleh sebuah drama ataupun filem.	29	21.6	28	20.9	77	57.5	2.30
60	Ibu bapa dapat mendekati anak-anak semasa menonton rancangan realiti AF.	29	21.7	29	21.6	76	56.7	2.28
Purata Min Keseluruhan								2.18

K=Kekerapan

Jadual 4 menunjukkan item item 41 hingga 60 berkaitan kesesuaian rancangan hiburan realiti TV AF terhadap budaya masyarakat Malaysia. Purata min keseluruhan bagi item ini adalah 2.18 negatif iaitu berada pada tahap rendah. Nilai tertinggi adalah bagi item 42 dengan min 3.21. seramai 77 orang responden (57.4%) bersetuju bahawa rancangan hiburan realiti TV Akademi Fantasia tidak mempengaruhi tingkahlaku saya dalam hidup bermasyarakat.

Nilai min mengikut tahap nilai tertinggi ialah 2.53, 2.46, 2.44, 2.40, 2.33, 2.30, 2.28, 2.26, 2.24, 2.17, 2.11, 2.08, dan 2.0 bagi item 54, 53, 41, 55, 56, 59, 60, 50, 58, 57, 49, 43 dan 44. Semuanya berada pada tahap dan negatif dibawah 2.4. Nilai min yang terendah ialah 1.58 bagi item 47, ia berada pada tahap sangat negatif. Seramai 112 orang responden (83.63%) tidak bersetuju, 7 orang (5.2%) setuju dan 15 orang (11.2%) kurang setuju dengan item, remaja akan lebih tumpuan dalam menuntut ilmu jika menonton rancangan hiburan realiti AF.

Selain itu, min lain berada di tahap yang rendah di bawah 2.4 dalam persoalan ini ialah, 1.69, 1.78, 1.82, 1.92, dan 1.93. Min-min ini adalah bagi item, 46, 48, 51, 45, dan 52. Ini menunjukkan bahawa pada pendapat mahasiswa, rancangan hiburan realiti AF adalah tidak sesuai terhadap budaya masyarakat Malaysia.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan jumlah responden seramai 134 orang iaitu semua populasi yang terdiri dari keseluruhan pelajar tahun 4 SPI, SPS dan SPL. Perbincangan mengenai latar belakang responden yang pertama ialah jantina. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, taburan responden yang paling ramai ialah pelajar perempuan iaitu 64.2 % daripada 134 orang responden. Jumlah pelajar lelaki yang terlibat pula ialah 35.8 %. Hal ini terjadi kerana pengkaji tidak menetapkan syarat jantina bagi responden dan pengkaji menggunakan keseluruhan populasi semasa edaran soal selidik daripada mahasiswa sains sosial dari Fakulti Pendidikan UTM Skudai.

Analisis yang seterusnya adalah berkaitan dengan bangsa responden. Keputusan analisis mendapati bahawa kebanyakan responden terdiri daripada pelajar berbangsa Melayu iaitu sebanyak 88.1%, diikuti bangsa Cina sebanyak 7.5%, India sebanyak 3.7%. dan lain-lain 0.7%. Manakala taburan responden mengikut agama mendapati responden beragama Islam sebanyak 88.1% dan responden bukan beragama Islam sebanyak 11.9%.

Seterusnya analisis terhadap taburan responden yang memiliki telefon bimbit menunjukkan semua jumlah responden memiliki telefon bimbit sendiri adalah sebanyak 100.0%. Ini penting untuk melihat mahasiswa yang berpotensi untuk mengundi peserta rancangan hiburan realiti AF atau tidak.

Persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Rancangan Hiburan Realiti TV AF.

Sebanyak 20 item telah dibina bagi mengkaji persoalan kajian yang pertama ini. Persoalan ini adalah bagi mengkaji persepsi mahasiswa terhadap rancangan hiburan realiti TV AF yang berkaitan dengan pengetahuan tentang konsep rancangan hiburan realiti TV dan minat mereka.

Bagi item 1 hingga item 20 berkaitan dengan persepsi, pengetahuan dan minat mahasiswa terhadap konsep rancangan hiburan realiti TV AF di Malaysia. Analisis dapatan kajian bagi persoalan kajian ini menunjukkan purata min keseluruhan yang sederhana iaitu 2.84. Ini menunjukkan responden positif terhadap persoalan kajian ini dan mengetahui konsep sebenar rancangan hiburan realiti TV AF. Mengikut laporan Mohd Nasif, dalam harian metro, sebanyak 26 jenis program realiti TV di Malaysia antaranya Akademi Fantasia, Malaysian Idol, Mentor, Audition, dan sebagainya, kebanyakannya bercorakkan nyanyian dan hiburan (Mohd Nasif, Harian Metro 30 Ogos 2005).

Nilai min tertinggi bagi objektif pertama ialah pada item 5 iaitu 4.55, responden mengetahui bahawa aktiviti di dalam rancangan realiti AF melibatkan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Item ini menyokong tentang pengetahuan mahasiswa tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM Skudai terhadap konsep rancangan hiburan realiti TV AF, iaitu rancangan hiburan realiti TV AF berbentuk pertandingan yang memerlukan undian SMS sebagai satu bentuk sokongan kepada peserta yang dipilih. Ini disokong oleh kenyataan, kebanyakan rancangan hiburan realiti TV menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk mengundi peserta-peserta kerana konsep SMS memberi kebebasan kepada peminat untuk mengundi idola mereka supaya terus berada di puncak (Mohd Nasif, Harian Metro 30 Ogos 2005).

Hasil analisis mendapati, nilai min yang berada pada tahap sederhana keseluruhan adalah 2.98 pada item 18. Hampir separuh responden bersetuju bahawa rancangan realiti AF akan dapat melahirkan insan yang berkebolehan dalam banyak bidang seni. Ini menunjukkan responden mengakui hasil daripada didikan Akademi Fantasia akan melahirkan insan yang berkebolehan dalam seni hiburan, tetapi ramai yang tidak merestui dan mendoakan peserta AF berpandukan kepada item 20. Ini adalah kerana kebolehan yang ditonjolkan dalam keadaan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam, bertepatan dengan kenyataan Datuk Hassan Din al-Hafiz “ bila sudah bercampur gaul lelaki dan perempuan, faham-faham sajalah. Pasti batasan yang digariskan oleh agama dalam pergaulan dan akhlak tidak dipedulikan lagi,” jelas beliau (Hafiz Hamzah, 2004:9).

Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui aktiviti di dalam rancangan hiburan realiti TV melibatkan pergaulan antara lelaki dan perempuan. Menurut Penolong Pengarah yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Mohd Shauki Abdul Majid, generasi kita tidak fikir soal impak program hiburan reality yang boleh membawa kepada gejala negatif seperti pergaulan lelaki dan perempuan tanpa batasan (Mohd Yusman Awang, Al-Islam, Ogos 2004:10). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memang mengetahui kewujudan rancangan hiburan berbentuk realiti AF dan kesan negatifnya.

Pada pendapat pengkaji, daripada dapatan kajian bagi objektif pertama ini juga menjelaskan bahawa majoriti responden tidak terlalu meminati rancangan hiburan reality AF. Ini kerana jumlah responden yang menonton rancangan ini pada hujung minggu adalah sedikit.

Bagi dapatan min terendah keseluruhan dalam objektif pertama ialah pada item 10 dan item 19 iaitu 1.46. Hanya sedikit sahaja daripada jumlah responden pernah mengundi peserta kegemaran mereka dalam rancangan hiburan realiti AF. Item ini mengukuhkan lagi dapatan item sebelumnya kerana hanya sedikit bilangan responden yang mengaku bahawa mereka pernah mengundi peserta rancangan hiburan realiti AF. Ini juga bertepatan dengan dapatan kajian bahagian A pada jadual 4.6 menunjukkan walaupun majoriti responden mempunyai telefon bimbit namun hanya sebahagian kecil sahaja yang mengundi peserta tersebut. Pengkaji juga berpendapat berkemungkinan kebanyakan responden tidak berkesempatan untuk menonton rancangan realiti AF pada hujung minggu dan tidak semua kolej yang menyediakan tayangan rancangan ini melaui ASTRO.

Kemungkinan rancangan realiti AF mempunyai daya tarikan tersendiri, tetapi daya tarikan yang melalaikan dan menghayalkan, seperti yang disebutkan oleh Pegawai Agama Istana Negara, Datuk Hassan Din al-Hafiz, rancangan tersebut lebih membawa kepada kerosakan akhlak. Berpelukan dan bercampur gaul sesama lelaki dan perempuan tanpa batas, namun mereka (peserta) itu berselindung di sebalik nama sebagai seorang pelajar, tanpa disedari mereka didedahkan dengan dunia khayalan dalam bentuk reality yang menjadikan glamor dan terkenal sebagai motif utama (Hafiz Hamzah, Al-Islam, September 2004 : 9)

Seterusnya kebanyakan responden tidak setuju bahawa rancangan realiti AF dapat membuka minda pelajar untuk mempelajari ilmu seni tarian dan nyanyian. Mereka juga tidak setuju dengan rancangan realiti AF banyak memberikan maklumat dan informasi ilmiah tentang hiburan.

Ini menunjukkan peratus yang tinggi bagi responden yang tidak menyukai peserta AF dan tidak merestui mereka. Memandangkan sikap dan tingkah laku peserta AF didalam akademi yang mengelirukan dan menyalahi adat agama masyarakat Islam, tidak wajarlah responden memikirkan untuk mendoakan peserta dalam akademi tersebut agar berjaya hingga akhir. Ini bersesuaian dengan kenyataan Datuk Hassan Din al-Hafiz, dalam Al-Islam (2004:9) orang melayu Islam hari ini mungkin sudah lupa bagaimana sikap dan pegangan agama Melayu Islam terdahulu. Meniru budaya barat, berfikir ala Barat menjadi kepantangan bagi nenek moyang terdahulu. Apatah lagi jika berhibur secara mutlak mengikut acuan dari barat.

Oleh itu, secara keseluruhan analisis hasil dapatan kajian bagi persoalan pertama ini menunjukkan persepsi dan minat mahasiswa dari 3 kursus di Fakulti Pendidikan UTM Skudai berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai purata min 2.84. Mereka mengetahui konsep dan isi kandung tentang rancangan realiti AF dengan baik.

Pengaruh Rancangan Hiburan Realiti TV Terhadap Gaya Hidup mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM.

Analisis dapatan kajian persoalan kajian kedua adalah berkaitan pengaruh penampilan diri peserta rancangan hiburan realiti AF, pengaruh tingkah laku /akhlak dan pengaruh pergaulan peserta rancangan realiti AF terhadap mahasiswa. Sebanyak 20 soalan telah dibina bagi mengkaji persoalan kajian ini.

Hasil analisis yang diperolehi daripada keseluruhan objektif kedua, menunjukkan penampilan diri peserta-peserta rancangan hiburan realiti AF, akhlak peserta, aktiviti peserta dan gaya hidup mereka tidak begitu mempengaruhi mahasiswa di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. Ini kerana hasil dapatan kajian menunjukkan purata min keseluruhan berada pada tahap yang rendah iaitu 1.60. Bertepatan dengan kenyataan iaitu penampilan seorang bekas juara AF yang mengelirukan. Kemunculannya yang

berlatarbelakangkan agama dan dikatakan baik akhlaknya boleh terkinja-kinja di pentas, dikelilingi penari perempuan dan sesekali berpegang tangan dengan mereka? Orang alimkah itu? (Nur Amin, Al-Islam, September 2005:11). Daripada contoh ini mungkin menyebabkan mahasiswa memikirkan jika seorang yang berlatarbelakangkan agamapun boleh tersalah laku, apatah lagi yang selain darinya. Mana mungkin penampilan, akhlak, dan gaya hidup mereka boleh diikuti dan diteladani.

Min tertinggi pada objektif kedua ini ialah 2.52. Separuh daripada responden tidak suka pada sikap kerjasama antara peserta dalam rancangan hiburan realiti AF. Ini kerana kerjasama yang ditunjukkan tidak bersesuaian dengan cara Islam. Namun ia masih pada tahap sederhana.

Dapatkan min terendah keseluruhan adalah 1.32, ia berada pada tahap rendah. Ini kerana sebilangan kecil sahaja responden mengakui bahawa mereka bercita-cita untuk menjadi artis selepas menonton AF.

Oleh itu min keseluruhan bagi item-item ini menunjukkan pengaruh penampilan diri dan akhlak peserta-peserta rancangan hiburan realiti TV tidak terlalu ketara kepada mahasiswa fakulti pendidikan UTM Skudai. Walaupun begitu kebimbangan terhadap pengaruh hiburan realiti TV tetap membimbangkan pihak-pihak tertentu kerana hiburan yang melampau jika tidak dikawal boleh menjuruskan ke arah kerosakan akhlak. Sebagaimana pendapat Datuk Hassan Din al-Hafiz, rancangan seumpama Akademi Fantasia perlu dikaji dan dinilai semula terutama berkaitan akhlak dan moral serta kesannya terutama terhadap remaja Melayu Islam (Hafiz, 2004: 8).

Persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM terhadap kesesuaian Hiburan Realiti TV AF.

Objektif ketiga kajian adalah untuk melihat kesesuaian rancangan realiti TV AF menurut persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM dalam pelbagai sudut. Sebanyak 20 item telah dibina untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, menunjukkan pendapat mahasiswa tentang pengaruh rancangan hiburan realiti TV terhadap kesesuaian dengan budaya masyarakat Malaysia adalah negatif.

Dapatkan min tertinggi keseluruhan item adalah 3.21. 57% responden mengatakan bahawa rancangan ini tidak mempengaruhi tingkahlaku mereka dalam hidup bermasyarakat. Disebabkan responden adalah bakal pendidik, berdasarkan apa yang mereka pelajari dan pengalaman latihan mengajar yang telah dilalui, mungkin mereka merasakan rancangan hiburan seperti ini tidak sesuai bagi masyarakat Malaysia. Tetapi berlainan dengan masyarakat luar, mereka terpengaruh dengan budaya hiburan reality ini. Bukti sambutan terhadap AF6 yang diadakan pada tahun ini sangatlah memberansangkan. Walaupun dikatakan sebelum ini rancangan ini akan berkubur, namun anggapan itu salah. Menurut wartawan Sahidan Jaafar dalam Mastika, Mac 2008, pada pagi 12 januari 2008, sebelum subuh lagi sudah ada peserta hadir untuk diuji bakat yang diadakan di studio Astro Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Semuanya orang melayu, mereka ini sanggup datang dari jauh dan sanggup mengambil cuti semata-mata untuk diuji bakat, ada yang datang dari negeri Perak, Pahang, Kelantan, Melaka dan lain serata ceruk Malaysia.

Hasil daripada analisis, item yang mempunyai nilai min pada tahap sederhana objektif ketiga adalah 2.53 iaitu peserta AF dapat mendekati hati rakyat yang menjadi mangsa bencana alam melalui khidmat bakti masyarakat.

Dapatkan min terendah keseluruhan bagi objektif ketiga adalah 1.58. Responden tidak setuju bahawa remaja akan lebih tumpuan dalam menuntut ilmu jika menonton rancangan hiburan realiti AF. Ini menunjukkan responden mengaku bahawa rancangan hiburan realiti AF tidak mempengaruhi tingkahlaku mereka dalam bermasyarakat dan ia tidak mengganggu tumpuan belajar walaupun tidak menontonnya. Dalam konteks hidup bermasyarakat ia juga menunjukkan ramai responden tidak setuju dengan apa yang dibawa oleh rancangan realiti AF adalah bertepatan dengan budaya masyarakat Malaysia, ini disokong

oleh kenyataan Mufti Kerajaan negeri Perak, (Datuk Seri Harusani Zakaria) “apa yang amat membimbangkan saya sekarang ialah, masyarakat kita sudah terlalu lalai dengan budaya Hedonisme; tahu hanya nak berseronok sahaja. Bukan setakat Jom Heboh tetapi cuba lihat apabila kita menyambut kemerdekaan. Sebulan, dipenuhi dengan pesta keseronokan. Itukah tanda kesyukuran? Kita telah kufur dengan nikmat yang Tuhan beri, maka akibatnya kita ditimpah bala. Yang ramai terbabit dalam pelbagai acara hiburan ini adalah orang melayu”. Tambah Datuk Seri Harussani (Datuk Seri Harussani, 2006:39).

Oleh itu purata nilai min keseluruhan bagi persoalan kajian ini berada pada tahap rendah iaitu 2.18. Ini menunjukkan bahawa responden berpendapat hiburan realiti AF adalah tidak sesuai dengan masyarakat Malaysia. Bertepatan dengan pendapat Datuk Seri Harusani Zakaria, beliau mengatakan beliau Malaysia telah diserang oleh budaya Hedonism; budaya berseronok sehingga menjadi lalai dan lupa. Ini adalah strategi agama lain, bahkan zionis yang mahu melalaikan umat Islam. Malah mereka mahu melalaikan bangsa-bangsa selain Yahudi sehingga dapat mengusai bangsa lain (Al-Islam, Jun 2006:39). Hiburan realiti adalah termasuk didalam hiburan yang melalaikan dan didatangkan dari Barat.

Rumusan

Di dalam bahagian ini, pengkaji membuat rumusan daripada perbincangan yang telah dibuat. Hasil daripada perbincangan di atas, perkara yang dapat disimpulkan secara keseluruhan, pengkaji mendapati respon yang neutral atau sederhana bagi persoalan kajian pertama dan negatif bagi persoalan kajian kedua dan ketiga.

Secara keseluruhannya menunjukkan persepsi mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM Skudai terhadap rancangan hiburan realiti AF berada pada tahap yang sederhana. Dari sudut pengetahuan responden terhadap konsep rancangan hiburan realiti AF, dapatkan kajian menunjukkan majoriti dari 134 responden memberikan respon positif. Ini bermakna mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan memahami konsep sebenar rancangan hiburan realiti TV yang ditayangkan di kaca TV.

Namun begitu, dari segi minat responden terhadap rancangan hiburan realiti AF berada pada tahap neutral atau sederhana. Ini bermakna tidak semua responden begitu berminat dengan rancangan hiburan realiti AF walaupun 101 orang responden bersetuju bahawa mereka pernah menonton rancangan hiburan realiti AF. Bilangan responden yang bersetuju mengatakan rancangan hiburan realiti AF sesuai untuk ditonton juga berada pada tahap rendah. Ini kerana masih ramai bilangan responden yang kurang setuju. Kajian juga menunjukkan rancangan berbentuk hiburan masih boleh dipertikaikan kesesuaian kepada masyarakat terutamanya golongan pelajar iaitu mahasiswa.

Seterusnya kajian ini akan membincangkan pengaruh rancangan hiburan reality TV terhadap gaya hidup mahasiswa Fakulti Pendidikan UTM Skudai. Jika dilihat dari sudut penampilan diri peserta rancangan hiburan realiti AF, tidak terlalu mempengaruhi gaya penampilan diri responden kerana majoriti mereka tidak setuju bahawa mereka suka meniru gaya rambut dan fesyen pakaian peserta-peserta rancangan tersebut.

Selain itu, hasil dapatan kajian menunjukkan pengaruh tingkah laku dan akhlak peserta rancangan hiburan realiti AF tidak begitu mempengaruhi mahasiswa kerana analisis mencatatkan dapatkan kajian berada pada tahap yang negatif atau rendah.

Secara keseluruhannya, rancangan hiburan realiti AF tidak sesuai dengan budaya masyarakat Malaysia. Ini kerana keputusan kajian menunjukkan ramai responden berpendapat menonton rancangan realiti AF tidak mempengaruhi tingkah laku dalam hidup bermasyarakat di samping mereka dapat menonton rancangan hiburan realiti AF. Begitu juga dari segi akhlak mereka tidak terpengaruh, mereka juga mampu mengawal kondisi diri mereka agar semangat untuk menuntut ilmu tetap ada. Dari sudut budaya ilmu

responden juga menunjukkan bahawa, rancangan hiburan realiti AF tidak memberikan impak kepada peningkatan budaya ilmu dikalangan muda mudi walaupun dalam hiburan realiti.

Kebudayaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum juga tidak dapat ditunjukkan melalui rancangan realiti ini. Namun begitu kewujudan pengaruh-pengaruh luar tetap ada kerana secara keseluruhannya keputusan kajian berada pada tahap rendah. Ramai dikalangan responden tidak bersetuju dengan “kenyataan melalui rancangan realiti AF dapat melambangkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan saling bantu membantu”. Analisis dapatan kajian berada pada tahap yang rendah.

Rujukan

- Abdul Ghafar Hj. Don (t.t). “Budaya Hedonisme: Corak dan Kesan Terhadap Pembinaan Masyarakat Dinamik di Malaysia.” dlm Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot. “Dakwah dan Perubahan Sosial”. Selangor: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Abdul Rahman Rukaini (2004). “Salah Tafsir Islam”. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.
- Al-Qaradhawi, Yusuf (Dr.) (1995). “Fatwa-fatwa Kontemporer”. Jilid 1. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Hafiz Zakiuddin Abdul-Azim Al-Mundhiri(2000). “The Translation of the meaning of Summarized Sahih Muslim”. Volume 1. UK: Hidayah Publishing and Distribubution.
- Mansor Ahmad Saman (1983). “Media di Malaysia”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noresah et. al. (2005). “Kamus Dewan Edisi Keempat .” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1997). “Pembinaan Analisis: Ujian Bilik Darjah.” Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). “Penyelidikan Pendidikan”. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). “Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik”. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Md. Yusoff (1993). “Media dan Masyarakat: Satu Kumpulan Esei”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting (2004). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan”. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Bathi Badaruddin (2002). “Dunia Media Moden”. Pahang: PTS Publications & Distributors
- Mustafa Daud (2002). Cabaran Tamadun Islam Pada alaf Baru Di malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nurhudayati Mansor (2006). “Kecenderungan Pelajar Terhadap Program Realiti, Kajian Di Sekolah Agama Rambah, Pontian Johor”. Universiti Teknologi Malaysia Projek Sarjana Muda. Tidak diterbitkan.